



**KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

TEKS UCAPAN
YB DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

MAJLIS
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
TAHUN 2022

19 JUN 2023 (ISNIN)
DEWAN SERBAGUNA, WISMA TANI

TEKS UCAPAN
YB MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
BAGI MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
TAHUN 2022

[SALUTASI]

YANG BERBAHAGIA DATUK LOKMAN HAKIM ALI

Ketua Setiausaha KPKM

YANG BERBAHAGIA DATUK BADRUL HISHAM MOHD

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)

**Setiausaha-Setiausaha Bahagian dan Pegawai-Pegawai Kanan
Kementerian; dan**

Yang diraikan, **Penerima-Penerima Anugerah Tahun 2022 KPKM bagi
3 kategori iaitu;**

- Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC)
- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC); dan
- Anugerah Khidmat Setia

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

[KATA ALUAN]

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia Madani,

Tuan-tuan dan puan/puan yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama melahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T, kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita berkumpul dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bagi tahun 2022.
2. Pertamanya, saya merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada semua penerima yang diraikan dalam majlis ini iaitu seramai 3 orang penerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC), 126 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan 3 orang penerima Anugerah Khidmat Setia (AKS) bagi tahun 2022.

[PENGIKTIRAFAN KEPADA PENJAWAT AWAM]

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan,

3. Pengiktirafan **PPC** merupakan pingat utama dalam perkhidmatan awam bagi penjawat awam yang menunjukkan kecemerlangan luar biasa dalam tugas yang diamanahkan serta aktif dalam penglibatan dan sumbangan di luar tugas rasmi termasuk aktiviti kesukarelaan, kemasyarakatan, sukan, kebudayaan dan sebagainya yang boleh mengharumkan nama organisasi dan negara.

4. Pingat ini **dizahirkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui Statut Pingat Perkhidmatan Cemerlang** dan diiktiraf sebagaimana pingat-pingat lain yang dizahirkan oleh Yang di-Pertuan Agong. Pingat ini boleh dipakai oleh pegawai semasa menghadiri sesuatu majlis rasmi. Jawatankuasa Induk Pingat Perkhidmatan Cemerlang (JKIPPC) di Jabatan Perkhidmatan Awam telah memperaku seramai 3 orang di Kementerian ini dan syabas diucapkan kepada penerima-penerima tersebut.

5. **APC** juga merupakan manifestasi penghargaan dan pengiktirafan kepada pegawai-pegawai yang terpilih di Kementerian. Saya percaya semua Ketua Jabatan telah melaksanakan pertimbangan yang adil dan saksama untuk menentukan penerima APC yang layak. Diharapkan agar penerima-penerima APC dapat mencana motivasi kepada semua warga KPKM untuk terus membudayakan bekerja cemerlang sepanjang masa seiring dengan ekspektasi stakeholders dan kehendak rakyat.

6. Seperti tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, penganugerahan pada hari ini adalah bagi menghargai dan mengiktiraf warga KPKM di atas segala jasa, sumbangan dan pengorbanan mereka dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai penjawat awam, baik dalam menjalankan tugas rasmi mahupun penglibatan aktif dalam kegiatan sukan, sosial dan kemasyarakatan.

7. Sesungguhnya ia bukti bahawa tuan-tuan dan puan-puan merupakan aset yang amat bernilai kepada KPKM dalam memastikan kelestarian kejayaan berterusan sistem penyampaian perkhidmatan di masa-masa akan datang.

[KETERJAMINAN MAKANAN]

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dikasihi sekalian,

8. Frasa KETERJAMINAN MAKANAN kini telah menjadi satu trending baharu di Malaysia setelah tertubuhnya Kerajaan Perpaduan di negara kita pada 5 Disember 2022. Malah aspek *Food Security* ini telah menjadi satu ukuran bagi ketersediaan dan keupayaan mendapatkan makanan yang diperlukan dalam kalangan masyarakat bagi sesebuah negara.

9. Makanan merupakan keperluan asas kepada semua manusia yang mana tanpa makanan, kestabilan dan kemajuan negara sukar diperolehi. Merujuk kepada Jawatankuasa Jaminan Makanan Dunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) mentakrifkan keadaan ini sebagai keadaan semua orang mempunyai akses fizikal, sosial dan ekonomi kepada makanan yang mencukupi, selamat dimakan dan berkhasiat serta ia memenuhi keutamaan dan keperluan pemakanan untuk kehidupan yang aktif dan sihat pada setiap masa. Dalam pada itu Pertubuhan Makanan dan Pertanian dunia telah mengenal pasti empat tonggak jaminan ini iaitu aspek ketersediaan, akses, penggunaan dan kestabilan bekalan makanan.

10. Sebagai keperluan asas yang perlu diberi perhatian dalam memastikan berlaku proses pembangunan ekonomi dan sosial sesebuah negara agar ia kekal progresif dan berdaya saing, Malaysia perlu lebih serius dalam menyatakan sistem makanan negara perlu diperkukuh supaya ianya lebih berdaya tahan dan lebih mampan. Ini termasuklah pelbagai usaha dalam meningkatkan prestasi rangkaian di semua aktiviti yang berkaitan faktor pengeluaran, pemprosesan, pengedaran,

penyediaan termasuklah keselamatan makanan serta keberadaan cara pemakanan.

11. Oleh itu, dalam menghadapi ekosistem pembangunan negara yang semakin mencabar dan kompleks, khususnya dalam konteks *core business* KPKM, penjawat awam perlu melengkapkan diri dengan keupayaan berfikir dan membuat keputusan dengan cepat, tepat dan bijaksana. Justeru, usaha-usaha menimba ilmu harus dipertingkatkan dan diteruskan sepanjang perkhidmatan kita. Ilmu adalah senjata yang membuka pintu pengetahuan yang begitu luas dan menjadikan kita lebih baik dari orang lain.

[DASAR AGROMAKANAN NEGARA]

12. Sektor agromakanan yang berada di bawah tanggungjawab KPKM memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi dan sosial negara. Namun, risiko dan cabaran di peringkat global dan domestik seperti pertumbuhan populasi, pemanasan global dan persaingan guna tanah perlu ditangani untuk memastikan kemampanan sektor ini. Pegawai-pegawai KPKM perlu sedaya upaya memenuhi kehendak rakyat dalam menyampaikan perkhidmatan berkaitan dengan pertanian, perladangan, perikanan, urusan eksport dan import produk pertanian dan pengawasan kawalan keselamatan mutu bekalan pertanian yang dibawa masuk melalui pintu sempadan negara.

13. Warga KPKM diseru untuk memastikan matlamat Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0) dapat dicapai. DAN 2.0 telah meletakkan strategi pemodenan dan pertanian pintar sebagai *key game changer* bagi menjayakan transformasi sektor agromakanan. Ia bakal

dipacu melalui dana pembiayaan, insentif pelaburan dan tenaga kerja bagi meningkatkan tahap penerimgunaan teknologi Revolusi Perindustrian Keempat. Dalam hal berkaitan, bidang Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersilan dan Inovasi akan menjadi nadi pembangunan sektor ini. Seiring itu, kerjasama pelbagai agensi penyelidikan kerajaan, institusi pengajian tinggi awam dan swasta, turut digembleng dalam menjayakan DAN 2.0 ini.

14. Suka saya ingatkan juga bahawa walau setinggi mana pun kita menggapai perubahan, penekanan kepada "*character building*" adalah penting iaitu melalui penambahan ilmu pengetahuan, meningkatkan kemahiran dan juga mengamalkan nilai-nilai murni serta ciri-ciri peribadi yang positif termasuk mengutamakan aspek integriti yang tinggi dalam menjalankan tugas. Runtuhnya nilai integriti akan menyebabkan berlakunya pelbagai kepingangan dalam perkhidmatan awam.

15. Saya juga amat berharap agar warga KPKM sentiasa prihatin dengan mempermudah serta mempercepatkan perkhidmatan urusan kepada rakyat. Ekspektasi pelanggan atau rakyat terhadap perkhidmatan awam semakin hari semakin tinggi dan ini sudah tentunya memerlukan kita membuat pembaharuan yang berterusan supaya kita sentiasa responsif, relevan dan berkesan dalam memenuhi permintaan dan harapan rakyat.

[PENUTUP]

Hadirin yang dikasihi sekalian,

16. Oleh itu, saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru semua warga Keluarga KPKM agar terus berkhidmat dengan semangat kebersamaan yang tinggi dalam memajukan KPKM dan memastikan penyampaian perkhidmatan sampai kepada kumpulan sasar. Dalam hal ini, peranan Ketua-ketua Jabatan di semua peringkat adalah penting dalam mewujudkan semangat kebersamaan ini tempat kerja.

17. Sekali lagi, saya mengucapkan Tahniah kepada penerima-penerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Khidmat Setia 2022. Semoga kejayaan tuan-tuan dan puan-puan memberi inspirasi kepada rakan sekerja yang lain untuk turut berusaha meningkatkan prestasi diri masing-masing di masa akan datang.

18. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih, saya ucapkan kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Kementerian selaku urus setia serta seluruh jawatankuasa yang terlibat merealisasikan majlis ini.

Saya akhiri ucapan saya dengan kata-kata berikut untuk direnungkan:

“Mungkin sekali dalam hidup anda, anda perlukan seorang doktor, seorang peguam, seorang anggota polis dan seorang mekanik, tetapi setiap hari **3 KALI SEHARI sekurang-kurangnya anda memerlukan seorang petani**”

Sekian, terima kasih.